

## AMALAN PENGAJARAN GURU MATA PELAJARAN BALAGHAH SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) DI DAERAH NEGERI SELANGOR

**Mohd Yazid Ahmad**

Fakulti Pendidikan (Bahasa Arab),  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Nik Mohd Rahimi**

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Corresponding Author's Email: p103950@siswa.ukm.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 11 March 2022*

*Accepted : 25 March 2022*

*Published : 31 December 2022*

### **ABSTRAK**

Mata pelajaran Balaghah merupakan antara mata pelajaran yang terdapat di dalam bidang linguistik bahasa Arab dan diajar pada peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Untuk itu, satu kajian telah dijalankan bertujuan meneroka amalan pengajaran yang digunakan oleh guru mata pelajaran Balaghah dalam menyampaikan isi pelajaran. Kajian ini merupakan satu bentuk kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Dua orang guru yang berpengalaman luas mengajar mata pelajaran Balaghah lebih daripada 15 tahun dari dua daerah di negeri Selangor telah dipilih sebagai responden temu bual kajian ini. Data temu bual dalam kajian ini juga turut disokong dengan analisis dokumen bagi memperkuatkan lagi daptan kajian yang diperoleh. Seterusnya, data dianalisis bagi menghasilkan tema dan hasil daptan kajian menunjukkan bahawa, perancangan yang rapi telah dibuat oleh peserta kajian sebelum memulakan proses pengajaran. Peserta kajian turut menggunakan set induksi, bahan bantu mengajar, strategi berpusatkan pelajar dan menggabungkan kaedah lama dan baharu dalam amalan pengajaran mereka. Selain itu, masa yang diperuntukkan bagi pengajaran Balaghah tersebut dirancang dengan baik oleh peserta kajian dan berusaha menarik minat pelajar-pelajar terhadap ilmu Balaghah. Kajian ini diharap dapat membantu dan memberi pendedahan kepada guru-guru STAM khususnya yang mengajar mata pelajaran Balaghah sebagai penambahbaikan terhadap strategi, teknik dan amalan pengajaran yang terbaik dan berkesan yang boleh digunakan dalam menyampaikan isi pelajaran Balaghah.

**Kata kunci:** *Amalan pengajaran, Guru Balaghah, Balaghah, STAM*

### **TEACHING PRACTICES BY BALAGHAH SUBJECT TEACHERS FOR STAM IN SELANGOR DISTRICT**

### **ABSTRACT**

*Balaghah is one of the subjects in the field of Arabic linguistics and it is taught at the level of Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Therefore, a study was conducted to explore the teaching practices used by teachers of Balaghah subject in delivering the content of the lesson. This is a case study research by implementing a qualitative approach. Two teachers with extensive experience more than 15 years in teaching of Balaghah subjects from two district of Selangor were selected as respondents to interviewed. Data collected from the interview also is supported by others analysis documents to strengthen the findings of the study. Next, the data is analyzed to extract themes and the results of the study shown*

*intensive planning was made by the respondents before starting the teaching process. Respondents also using induction set, teaching aids, students centered strategy and combine old and recent methods in their teaching practice. Besides that, the duration allocate for teaching that subject is smoothly planned by respondents and they always made an effort to attract students to learn that subject. It is hoped that this study can help and provide exposure to STAM teachers, especially those who teach Balaghah subjects as an improvement on the strategies, techniques and best practices and effective that can be used in teaching of Balaghah subjects.*

**Keywords:** *Teaching practice, Balaghah teacher, Balaghah, STAM*

## **PENGENALAN**

Pada tahun 2000, peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) telah diperkenalkan hasil daripada perjanjian persefahaman akademik dan kebudayaan yang dibuat oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1999 melalui Kementerian Pendidikan Malaysia bersama dengan Al-Azhar Al-Syarif. Kurikulum dan buku teks STAM di ambil daripada Maahad Bu'uth Al-Islamiah Al-Azhar, Mesir dan sijil STAM tersebut melayakkan pelajar-pelajar menyambung pengajian ke negara Timur Tengah khususnya di Universiti Al-Azhar, Mesir.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga telah mengiktiraf peperiksaan STAM dan ia setaraf dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Bagi pelajar-pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya pangkat maqbul, ia melayakkan pelajar-pelajar untuk menyambung pengajian mereka di mana-mana institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia.

10 mata pelajaran telah diperkenalkan dalam kurikulum STAM dan ia terdiri daripada tiga buah bidang iaitu bidang Bahasa Arab, Usuluddin dan Syariah. Mata pelajaran Balaghah merupakan antara komponen yang terdapat dalam bidang Bahasa Arab selain daripada *Nahu* dan *Sarf, Insya'* dan *Mutala'ah, Adab* dan *Nusus* dan '*Arudh* dan *Qafiyah*.

Mata pelajaran Balaghah juga turut di ajar pada peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula, Balaghah pernah diperkenalkan dalam sukatan pelajaran mata pelajaran Bahasa Arab yang lama sehingga tahun 2020. Menurut Syukri, Daoh, Redzauddin, Rufian, Izzudin & Nurfida'iy (2018), Balaghah semakin kukuh kedudukannya dalam kurikulum kebangsaan kerana ia bukan sahaja dipelajari di peringkat sekolah, malah turut diperkenalkan dan dipelajari di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Pelbagai definisi telah dikemukakan oleh ilmuan terhadap makna Balaghah. Perkataan *al-balaghah* dari sudut istilah merujuk kepada ungkapan yang hendak disampaikan mempunyai makna yang indah dan ia sangat memberi kesan ke dalam jiwa pendengar yang menepati situasi semasa dan pendengar. Menurut Hakim (2008), Balaghah merupakan cabang ilmu bahasa Arab yang menjelaskan tentang suatu ungkapan yang berhasil bersesuaian dengan kehendak konteks pendengar dan penggunaan yang fasih. Oleh yang demikian, dalam mempelajari ilmu Balaghah, pelajar-pelajar dapat melihat keindahan sesuatu bahasa yang diungkapkan dan berkeupayaan untuk memahami dan menjawi bahasa tersebut dengan baik.

Tiga pembahagian ilmu dalam Ilmu Balaghah terdiri daripada *Ilmu Ma'ani*, *Ilmu Bayan* dan *Ilmu Badi'*. *Ilmu Ma'ani* menjurus kepada perbincangan sesuatu ungkapan yang bersesuaian dan selaras dengan situasi yang berlaku. Menurut Hakim (2008), kesilapan ketika menyampaikan sesuatu maksud perlu dielakkan bagi mencapai tujuan *Ilmu Ma'ani* dari segi kesesuaian ungkapan yang dituturkan dengan kehendak konteks.

*Ilmu Bayan* pula berfungsi sebagai kawalan terhadap ketidakjelasan makna yang berlaku. *Ilmu Bayan* ini lebih menjurus kepada penjelasan makna sesuatu ungkapan yang bersesuaian dengan ayat dan konteks pendengar melalui pelbagai cara dan gaya bahasa yang digunakan. Ia lebih fokus kepada memahami makna melalui cara penyampaian sesuatu ungkapan dan mengambil kira terhadap situasi yang berlaku (Gamal, Abu Hassan, Zaki & Wahibah, 2020).

Dalam perbahasan *Ilmu Badi'* pula, ia menjurus kepada perbincangan memperindah dan mempercantik sesuatu ungkapan dengan mengambil kira situasi dan makna yang jelas. Ilmu yang

menyempurnakan *Ilmu Ma'ani* dan *Ilmu Bayan* ini dibahagikan kepada dua elemen utama iaitu penghias dari sudut lafaz dan penghias dari sudut makna. Penghias lafaz berfungsi sebagai memperindahkan sesuatu ungkapan dengan menggunakan lafaz yang indah, manakala penghias makna berfungsi untuk menambahkan kesan kepada jiwa pendengar melalui gaya bahasa yang memperindahkan makna sesuatu ungkapan.

Penguasaan yang lebih mendalam terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab memerlukan kepada penguasaan terhadap linguistik arab yang terdiri daripada Fonologi, Sintaksis, Morfologi dan Semantik. Ilmu Balaghah ialah ilmu yang terkandung di dalam Semantik yang juga disebut di dalam bahasa Arab sebagai *ilmu Dilalah*.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Pelbagai kelemahan dalam penguasaan terhadap ilmu Balaghah telah didedahkan oleh sebahagian sarjana yang membuat kajian dalam bidang ini. Kelemahan-kelemahan tersebut bukan sahaja berlaku di peringkat sekolah, malahan juga turut berlaku di peringkat institusi pengajian tinggi yang mengambil mata pelajaran ini.

Kaedah dan teknik pengajaran didapati menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi minat pelajar dalam menguasai ilmu Balaghah. Kajian Nazri, Saipolbarin & Zulkifli (2017) mendapati bahawa, seramai 49 orang pelajar (98%) menyatakan dalam mempelajari ilmu Balaghah, kaedah pengajaran mesti dipelbagaikan oleh guru atau pensyarah. Hal yang sedemikian juga diperkuuhkan lagi oleh kajian Mohamad Syukri et al. (2018) yang mendapati bahawa, bagi menarik minat pelajar dalam penguasaan ilmu Balaghah, kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan perlu diperbaharui dan dipelbagaikan. Pendekatan, strategi dan metode pengajaran Balaghah yang kurang berkesan dan sesuai dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi menjadi salah satu punca kemampuan pelajar dalam menguasai ilmu Balaghah berada pada tahap yang lemah (Mohamad Syukri et al. 2021).

Menurut Hakim (2008), guru Balaghah sentiasa mempraktikkan kaedah syarahan dalam menyampaikan isi pelajaran Balaghah. Hal ini menunjukkan bahawa guru agama termasuk yang mengajar mata pelajaran Balaghah masih menggunakan pendekatan bersifat konvensional dan pasif kerana terkesan dengan pengajaran dan pembelajaran yang bersifat tradisional dan hanya memfokuskan kepada guru semata-mata. Guru dilihat hanya menyampaikan maklumat melalui syarahan manakala pelajar-pelajar mengambil maklumat yang disampaikan tersebut melalui pendengaran mereka (Raja Hazirah dan Najihah 2021).

Selain daripada itu, Shuhaidah et al. (2014) menyatakan bahawa, antara faktor yang menghalang terhadap pencapaian matlamat pengajaran dan pembelajaran Balaghah ialah hanya konsep hafalan definisi digunakan dalam pengajaran dan mengabaikan pemupukan dan pengaplikasian terhadap keindahan dan rahsia yang terdapat di dalam sesuatu ungkapan yang dipelajari di dalam ilmu ini. Oleh yang demikian, kaedah berasaskan kontekstual yang menekankan aktiviti komunikasi dan kolaboratif sesama pelajar dipercayai mampu membangunkan kemahiran berfikir pelajar secara kreatif dan kritis semasa mempelajari ilmu ini dan boleh diaplikasikan oleh guru yang mengajar (Raja Hazirah dan Najihah, 2021).

Dalam membentuk dan mengekalkan penguasaan terhadap ilmu Balaghah, ia perlu diberi penekanan bermula seawal pengajaran di sekolah menengah lagi. Kepelbagaian kajian-kajian sarjana dalam bidang ini banyak memfokus kepada kelemahan pelajar, namun kurang diberi penekanan dan perhatian terhadap amalan guru. Oleh yang demikian, kajian amalan pengajaran guru bagi mata pelajaran Balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) daerah di Selangor ini sangat diperlukan untuk meneroka amalan pengajaran yang digunakan oleh guru dalam menyampaikan isi pelajaran Balaghah.

Hasil dapatan kajian ini diharap dapat membantu dan memberi pendedahan kepada guru-guru STAM khususnya yang mengajar mata pelajaran Balaghah terhadap strategi, teknik dan amalan pengajaran yang terbaik dan berkesan yang boleh digunakan ke arah memupuk minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Balaghah.

## **METODOLOGI**

Menjalankan sesuatu penyelidikan memerlukan kepada metode penyelidikan yang paling sesuai yang perlu dirancang oleh penyelidik bagi menjawab persoalan kajian. Oleh itu, Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Penyelidik menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang bertepatan dengan persoalan kajian. Temu bual yang dilakukan berbentuk separa struktur secara individu antara penyelidik dengan peserta kajian. Manakala dokumen yang dianalisis oleh penyelidik termasuk Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan buku teks bagi mengukuhkan lagi maklumat-maklumat yang diperolehi.

Pemilihan peserta kajian dilakukan secara kaedah persampelan bertujuan. Dua orang guru yang dipilih melibatkan dua daerah di Selangor merupakan guru yang terlibat secara langsung dalam pengajaran mata pelajaran Balaghah peringkat STAM dan berpengalaman luas lebih 15 tahun dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Balaghah.

Bagi proses menganalisis data, transkripsi temu bual dibuat dan dicatat menggunakan *microsoft word* serta disimpan di dalam *google drive* sebagai keselamatan dan rujukan pada bila-bila masa. Bagi mengelakkan berlakunya bias oleh penyelidik, transkripsi perlu dibuat menyeluruh secara perkataan demi perkataan (*verbatim*) dan bukan berbentuk penulisan nota ringkas (Dayang et al. 2005). Akhirnya, selepas mendapat pengesahan transkripsi daripada peserta kajian, pengkategorian bagi penghasilan tema dikeluarkan secara manual untuk dibentangkan hasil kajian dengan teratur dan tersusun.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian diperoleh bagi menjawab persoalan kajian iaitu apakah amalan pengajaran yang digunakan oleh guru Balaghah dalam menyampaikan isi pelajaran Balaghah. Data yang diperoleh daripada dua orang peserta kajian dianalisis dengan menggabungkan maklumat-maklumat agar persoalan kajian dapat dijawab dengan lebih mendalam.

### **Perancangan**

Dua orang guru yang berpengalaman ini menjalankan aktiviti pengajaran mata pelajaran Balaghah dengan perancangan yang rapi dan teliti terlebih dahulu. Ringkasan pengajaran akan dibuat berpandukan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan tajuk-tajuk mengikut sukanan mata pelajaran yang telah ditetapkan. Kemudian, perancangan tersebut akan disesuaikan dengan jumlah masa yang diperuntukkan setiap minggu.

Sebelum memulakan pengajaran, guru A dan B akan terlebih dahulu memahami dan menyiapkan bahan-bahan yang diperlukan bagi memastikan pelajar-pelajar dapat memahami isi pelajaran dengan baik. Perancangan perlu dilakukan lebih awal kerana bahan pengajaran yang hendak diajar perlu dikuasai oleh guru dan berupaya membentuk minat pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran (Harun & Azrul, 2019). Mereka menjelaskan berkaitan perancangan yang dilakukan seperti berikut:

Guru A: *Bila saya dapat je kitab baru, saya akan buat ringkasan.*

Guru A: *Yang paling penting guru perlu bersedia, peringkat awal kita perlu merujuk dahulu, penting, guru perlu memahami dulu.*

Guru B: *Guru-guru kena bersedia awal, cari video, paparkan powerpoint.*

Guru B: *Memang perlu persediaan awal la, cuba aplikasikan kita belajar waktu diploma pendidikan dahulu.*

## Proses pengajaran

Proses pengajaran peserta kajian dimulakan dengan set induksi bertujuan membuka minda pelajar-pelajar. Set induksi juga digunakan bertujuan menimbulkan rasa minat pelajar-pelajar terhadap tajuk yang ingin dipelajari dan mereka bersedia untuk menerima tajuk yang akan dipelajari pada hari tersebut. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dibuat oleh Hamdi, Ab. Halim, Rosadah & Safani (2012), yang menyatakan bahawa minat dan kesediaan pelajar-pelajar dalam menerima pelajaran yang baharu dipengaruhi oleh set induksi yang baik.

Guru A sering menggunakan ayat-ayat mudah dalam bahasa Melayu dan dikaitkan dengan tajuk Balaghah yang hendak diajar. Contoh-contoh ayat dalam bahasa Melayu akan dikemukakan oleh guru dan pelajar-pelajar memberi respon terhadap pertanyaan guru tersebut. Perbualan berikut menjelaskan set induksi yang digunakan oleh guru A:

Guru A: *Kalau awal-awal kelas biasa akan ada set induksi kan? contoh Al-Qosru, kita akan datangkan contoh-contoh berkaitan tajuk, supaya dapat buka minda pelajar.*

Guru A: *Contoh kalau tasybih kita bagi ayat-ayat melayu dahulu yang mudah-mudah, haaaa, ni dalam Balaghah ayat apa? Baru pelajar tahu ooooo ni ayat tasybih.*

Manakala guru B pula akan memperuntukkan 10 minit awal yang pertama bagi membuka minda pelajar dengan membacakan satu potongan ayat Al-Quran. Guru B akan menentukan *syawahid* yang terdapat dalam ayat tersebut. Kemudian, pelajar-pelajar akan diminta untuk membuat perkaitan antara *syawahid* yang diberikan dengan tajuk yang akan dipelajari pada hari tersebut.

Guru B: *Saya biasa buat, saya bacakan satu potongan ayat Al-Quran, kemudian saya tentukan syawahid dia. Kemudia saya minta pelajar kaitkan syawahid tadi dengan benda yang kita nak belajar.*

Pada penghujung sesi pengajaran, peserta kajian menggunakan teknik soal jawab bagi memperkuatkukan lagi kefahaman pelajar-pelajar terhadap isi pelajaran yang diajar. Guru akan mempelbagaikan teknik menyoal agar pelajar dapat berfikir dan merumuskan isi pelajaran dengan baik berdasarkan kefahaman masing-masing. Menurut Syaubari & Yunus, (2016), pelajar-pelajar akan dapat berfikir secara kritis dan memberi fokus kepada proses pemikiran secara eksplisit dengan menggunakan pendekatan penyoalan tersebut.

Guru A mempelbagaikan kaedah soal jawab dengan menutup fakta yang terdapat pada *powerpoint* yang digunakan. Pelajar-pelajar diberi peluang untuk mengingati beberapa fakta yang perlu diketahui, dan menjawab soalan guru A tanpa melihat fakta yang terdapat pada *powerpoint* tersebut. Secara tidak langsung, guru A mempraktikkan teknik hafalan terhadap fakta-fakta penting sebagai persediaan menghadapi peperiksaan STAM akan datang.

Guru A: *Biasa di penghujung, saya akan tanya balik la, saya guna powerpoint, jadi saya tutup la maklumat-maklumat. Jadi saya beri peluang mereka ingat fakta, lepas tu saya tutup mereka boleh jawab tak.*

Guru B pula akan memperuntukkan 10 minit terakhir sebelum kelas berakhir dengan mengajukan soalan-soalan berkaitan dengan tajuk yang telah dipelajari. Soalan-soalan yang diajukan bertujuan sebagai pengukuran dan melihat tahap kefahaman pelajar-pelajar terhadap tajuk tersebut.

Guru B: *10 minit terakhir saya akan ajukan soalan kepada mereka sebagai pengukuran apa yang telah diajar. Nak tengok tahap kefahaman mereka.*

## **Bahan bantu mengajar**

Setiap kali proses pengajaran mata pelajaran Balaghah, guru A dan B akan menggunakan bahan bantu mengajar berbentuk elektronik dan bukan elektronik. Mereka akan menggunakan bahan-bahan pengajaran yang pelbagai bagi menarik minat pelajar dan memastikan kecemerlangan pelajar-pelajar dalam menguasai mata pelajaran Balaghah. Ini adalah kerana, keberkesanan sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran juga dipengaruhi oleh pemilihan dan penggunaan alat serta bahan yang sesuai (Alizah & Zamri, 2019).

Bahan berbentuk bukan elektronik yang biasa digunakan oleh mereka adalah seperti buku teks, nota pelajar, kertas mahjung dan papan putih. Namun demikian, guru A dan B lebih gemar menggunakan bahan berbentuk elektronik seperti komputer, LCD projektor, tayangan *powerpoint* dan menyediakan bahan-bahan seperti gambar serta memuat turun bahan-bahan dalam bahasa Melayu agar memudahkan kefahaman pelajar-pelajar terhadap tajuk yang ingin dipelajari. Hal ini bertepatan dengan kajian Farihah, Nik Mohd Rahimi & Maimun (2020) yang menyatakan bahawa dalam penggunaan bahan pengajaran, keyakinan guru perlu dipertingkatkan dengan penambahan ilmu pengetahuan, berkemahiran dan aktif mencari bahan-bahan daripada pelbagai sumber.

Melalui bahan pengajaran yang disediakan, proses pemahaman pelajar dapat dipertingkatkan dan pelajar mampu menguasai topik yang diajar dengan lebih cepat. Bertepatan dengan kajian Alizah & Zamri (2019) menyatakan bahawa, bahan bantu mengajar membantu pemahaman pelajar tanpa huraian yang banyak oleh guru.

Guru A: *Saya biasa guna powerpoint. Bila bagi contoh, pelajar akan dapat beza dan fahamkan.*

Guru A: *Saya suka download berkaitan Balaghah. kadang saya suka cari yang bahasa Melayu berkait dengan tajuk. Pelajar mudah faham.*

Guru B: *Kadang saya guna kertas mahjung, memang saya yang buat. Contohnya untuk tajuk ﴿جنس﴾(jenis-jenis), bagi pelajar Nampak lebih jelas*

## **Strategi berpusatkan pelajar**

Guru A dan guru B melaksanakan pelbagai pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar seiring dengan zaman kini bagi memastikan sesi pengajaran yang dijalankan memberi impak positif kepada pelajar-pelajar. Pelajar dilatih untuk berfikir dan melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar mampu berhadapan dengan cabaran dan situasi semasa. Menurut Kamarul & Norhafizah (2013), mereka menyatakan bahawa kemudahan akan diperoleh oleh guru dan pelajar sewaktu menjalankan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar kerana pelajar-pelajar dapat memahami isi pelajaran dengan lebih mudah, manakala maklumat dan sumber daripada guru pula dapat disampaikan dengan mudah kepada pelajar-pelajar.

Mereka melibatkan pelajar-pelajar secara aktif bermula awal sesi pengajaran lagi. Pendekatan berfikir dengan menggunakan teknik soal jawab bersama pelajar digunakan bagi memastikan wujudnya hubungan dua hala semasa proses pengajaran berlangsung. Proses soal jawab ini memerlukan kepada kemahiran yang berpotensi untuk membentuk pemikiran pelajar dan mencapai keupayaan kognitif. Apabila guru menguasai kemahiran menyoal tersebut, secara tidak langsung minda pelajar dapat digerakkan dan isi pelajaran dapat difahami dengan baik (Syafiq, 2019).

Guru A: *Contoh tasybih, kita bagi ayat-ayat melayu dahulu yang mudah, baru pelajar tahu oooo ni ayat tasybih. Atau contoh, saya nak pergi ke tandas... haa ni dalam Balaghah ayat apa?*

Guru B: *Saya bacakan satu potongan ayat Al-Quran, kemudian saya tentukan syawahid dia. Kemudian saya minta pelajar kaitkan syawahid tadi dengan benda yang kita nak belajar.*

Selain daripada itu, peserta kajian juga telah mengaplikasikan teknik perbincangan kumpulan bagi mewujudkan penglibatan aktif pelajar-pelajar. Pembelajaran secara kumpulan atau koperatif ini merupakan salah satu pendekatan yang paling sesuai (Faridah & Saifulnizam 2017). Teknik ini akan memudahkan pelajar-pelajar membuat sesi perbincangan dengan berkomunikasi antara satu sama lain.

Peserta kajian ini mempelbagaikan pendekatan semasa proses pengajaran dengan membahagikan pelajar-pelajar kepada beberapa kumpulan dan diberikan tugas, Pelajar-pelajar akan menggunakan ruang sepenuhnya di dalam kelas untuk aktiviti ini bagi menyiapkan tugas yang diberikan dan membuat sesi pembentangan bagi melihat hasil kerja yang telah dilakukan oleh setiap kumpulan. Sewaktu sesi pembentangan, pelajar-pelajar lain boleh mengemukakan soalan bagi menjawab sebarang kesamaran maklumat dengan dibantu oleh guru. Bertepatan dengan kajian Bhavani & Zamri (2017), mereka menyatakan bahawa pelbagai strategi yang digunakan dalam pembelajaran koperatif boleh membentuk nilai tanggungjawab pelajar-pelajar terhadap pembelajaran mereka sendiri dengan dibimbing oleh guru.

Guru B: *Antara yang saya buat, erm, apa nama dia. Murid diberikan kumpulan dan diberi tugas. Mereka diminta untuk siapkan carta atau peta minda berkait dengan tajuk. Kemudian pelajar akan bentang.*

Guru B: *Dalam kelas akan dibentangkan dan ada sesi soal jawab berkenaan pembentangan tersebut.*

### **Peruntukan masa**

Menurut Fawiz & Zulkifli (2018), nilai pembahagian masa yang efektif merupakan antara ciri-ciri kurikulum yang baik. Seorang guru perlu memanfaatkan masa yang telah diperuntukkan bagi memastikan objektif pengajaran yang dirancang dapat berjalan dengan baik dan memberi impak positif kepada pelajar. Amalan pengajaran yang digunakan oleh guru harus dirancang dengan rapi mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Peserta kajian bersetuju bahawa tempoh pengajaran bagi ilmu Balaghah yang paling sesuai bagi satu sesi pengajaran adalah satu jam. Sekiranya diberikan setengah jam, ianya merupakan tempoh yang terlalu singkat dan tidak sesuai bagi sesi pengajaran Balaghah. Peserta kajian berpendapat bahawa, tempoh masa yang diperuntukkan selama dua jam dalam seminggu merupakan satu tempoh yang sesuai bagi menghabiskan sukanan mata pelajaran yang telah ditetapkan. Mereka akan merancang dan menyesuaikan topik yang diajar dengan jumlah masa pengajaran yang diperuntukkan setiap minggu iaitu dua waktu.

Guru A: *Balaghah ni sekali pengajaran tak habis. Macam tajuk Al-Qosru ya, tajuk banyak. Saya target untuk mengajar Al-Qosru je empat jam.*

Guru A: *Kami kalau di sekolah tu diberi dua masa sekali. Sejam la. Kalau setengah jam memang tidak berbaloi. kalau satu jam masa yang diperuntukkan tu, cukup la. Masa saya dua jam seminggu cukup la.*

Guru B: *Bagi saya kalau lima masa yang diperuntukkan untuk menghabiskan silibus, cukup-cukup la untuk bernafas. Paling selesa satu jam, kalau setengah jam tak sesuai. Set induksi dengan persediaan kelas pun dah ambil masa, belum lagi kalau guru sebelumnya keluar lewat.*

## **Persediaan peperiksaan**

Menurut Abdillah & Zul Azli (2010), keseluruhan pencapaian sesuatu mata pelajaran sangat dipengaruhi oleh kaedah pengajaran guru. Dalam setiap sesi pengajaran, guru juga akan berusaha memfokuskan kepada peperiksaan secara tidak langsung bagi membantu pelajar-pelajar membuat persediaan lebih awal.

Melalui proses pengajaran yang dilakukan oleh peserta kajian, Guru bukan sahaja membantu untuk peperiksaan bertulis, malah setiap kali sesi pengajaran guru A akan menggunakan ruang yang ada untuk membantu mereka menghadapi ujian lisan. Antara yang sering dilakukan oleh guru A ialah membuat perkaitan dengan mata pelajaran Nahu dalam sesi pengajaran beliau. Soalan-soalan berkenaan dengan mata pelajaran Nahu akan ditanya kepada pelajar-pelajar sebagai persediaan bagi menjawab soalan ujian lisan.

*Guru A: Saya suka kaitkan dengan Nahu. Walaupun saya mengajar Balaghah, saya ada kaitkan dengan Nahu. Sebenarnya dia ada kaitan sebab target saya, mereka boleh baca dengan baik ketika ujian lisan.*

Selain itu, guru juga berusaha keras untuk membuat analisis soalan-soalan Balaghah dan dikongsikan bersama pelajar-pelajar. Secara tidak langsung, pelajar-pelajar didedahkan dengan soalan-soalan yang lepas dan soalan-soalan percubaan setiap negeri. Modul soalan-soalan tersebut dikumpulkan daripada sekolah-sekolah diseluruh Malaysia dan diberikan kepada pelajar-pelajar mengikut topik yang terdapat dalam pengajaran Balaghah. Soalan-soalan ini telah dikumpulkan oleh guru-guru seluruh Malaysia dan dikongsikan di ruang kumpulan aplikasi *telegram* guru-guru Balaghah seluruh Malaysia. Melalui cara ini, pelajar-pelajar akan dibiasakan dengan soalan-soalan peperiksaan yang akan dihadapi ketika peperiksaan STAM nanti.

*Guru A: Kalau sebelum ni, saya buat analisis-analisis Balaghah. saya kumpulkan dulu, saya cetak dan bagi kepada pelajar.*

*Guru B: Saya akan sediakan modul la, soalan-soalan latihan lepas, soalan daripada sekolah-sekolah seluruh Malaysia kita kumpulkan dan bagi pada pelajar.*

*Guru B: Kami guru-guru ada group telegram, biasanya kami kumpulkan dan beri kepada pelajar ikut topik.*

Penguasaan mata pelajaran Balaghah dalam peperiksaan STAM tidak lari daripada strategi hafalan. Peserta kajian menyatakan bahawa, fokus utama guru A dan B bagi pelajar-pelajar membuat persediaan peperiksaan ialah teknik hafalan. Hal ini dinyatakan dalam perbualan bersama guru A dan B seperti berikut:

*Guru B: Setelah belajar, mereka perlu menghadapi peperiksaan. Nak berjaya memang kena hafal.*

*Guru B: Subjek ni berkait dengan periksa kan, nak tak nak kena tasmi' juga la.*

Beberapa kaedah hafalan ditekankan kepada pelajar-pelajar dan dipraktikkan ketika sesi pengajaran Balaghah berlangsung. Guru akan memastikan pelajar-pelajar diberikan masa untuk menghafal dan hafalan dihantar sama ada semasa sesi pengajaran atau dijadikan sebagai aktiviti di luar bilik darjah. Antara contoh pendekatan hafalan yang digunakan oleh peserta kajian adalah seperti yang terdapat di dalam perbualan berikut:

Guru A: *Kadang untuk menghafal, kalau saya bagi set soalan dengan jawapan, saya minta pelajar tutup jawapan dan jawab. Bila tidak ingat baru dia buka. Ada beberapa kaedah yang saya buat i) kamu boleh jawab sendiri tanpa lihat buku, ii) tidak boleh lihat buku, tapi boleh bincang. Kawan pun tak boleh tengok buku, iii) haaa, baru lah boleh tengok buku.*

Guru B: *Saya menggunakan cara tasmi' di luar bilik darjah. Jumpa saya dan tasmi'. Memang kena bagi tempoh untuk hafal dan tasmi' pada saya. Contoh hari Jumaat saya bagi, isnin wajib tasmi' dengan saya.*

Guru B: *Saya minta pelajar hafal, pelajar akan jumpa saya kat bawah pokok ke, pondok ke untuk tasmi'.*

### **Strategi lama dan baharu**

Peserta kajian berpengalaman mengajar mata pelajaran Balaghah lebih daripada 15 tahun. Mereka mendapati bahawa, dalam melalui proses pengajaran mata pelajaran ini, strategi lama dan baharu harus dikombinasikan. Ia bukan hanya tertumpu kepada berpusatkan murid semata-mata, malah berpusatkan guru juga penting sebagai persediaan mengajar kepada pelajar-pelajar.

Peserta kajian menyatakan bahawa ilmu Balaghah ini merupakan ilmu alat dan perlu kepada seorang guru untuk bersedia, membuat rujukan dan memahami tajuk-tajuk yang akan diajarkan terlebih dahulu. Oleh yang demikian, sebelum proses pengajaran, guru Balaghah perlu bersedia dengan rujukan-rujukan dan kefahaman tajuk terlebih dahulu agar memudahkan proses memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar. Sekiranya guru tidak memahami tajuk-tajuk yang akan diajar, bagaimana pula seorang guru dapat memberi kefahaman yang baik kepada pelajar-pelajar mereka.

Pengajaran menggunakan strategi baharu pula harus digabungkan kerana ia akan lebih menimbulkan minat pelajar-pelajar dalam menguasai Balaghah. Menurut Harun & Azrul (2019), antara ciri-ciri seorang guru yang baik ialah guru mempersiapkan dirinya dan menggunakan kaedah dan teknik yang pelbagai serta bersifat terkini. Dalam dunia pendidikan masa kini, ia lebih menjurus kepada kemahiran abad ke 21 yang ingin melahirkan pelajar-pelajar bukan sahaja mampu menguasai dan cemerlang dari segi intelek, malahan juga seimbang dari segi rohani, jasmani dan emosi. Oleh yang demikian, peserta menyarankan aktiviti-aktiviti sewaktu sesi pengajaran seperti aktiviti berkumpulan dan pembentangan harus dibuat agar minat pelajar-pelajar terhadap ilmu Balaghah dapat ditimbulkan.

Guru A: *Yang paling penting sekali ialah gurunya perlu bersedia. Peringkat awal ni kita perlu merujuk dahulu, dalam bahasa Melayu la. Penting guru perlu memahami dahulu.*

Guru B: *Untuk mengajar Balaghah perlu kepada kaedah lama dan kaedah baharu. Kaedah lama ni maksudnya kaedah yang berfokuskan guru la, guru mengajar di depan, pelajar menerima. Sebab ilmu Balaghah ni ilmu alat, jadi kaedah lama tu sangat diperlukan.*

Guru B: *Sebagai aksesori untuk menimbulkan minat pelajar, kaedah baharu diperlukan . macam aktiviti pembentangan, aktiviti berkumpulan.*

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini meneroka amalan pengajaran yang digunakan oleh guru mata pelajaran Balaghah yang berpengalaman dalam menyampaikan isi pelajaran. Pengajaran mata pelajaran ini memerlukan kepada kesungguhan guru dalam menyediakan bahan pengajaran yang pelbagai dan memahami terlebih dahulu isi pelajaran agar pelajar-pelajar dapat memahami dan menguasainya dengan baik.

Mata pelajaran Balaghah ini agak sukar untuk dipelajari berbanding mata pelajaran bahasa Arab yang lain. Namun, dengan perancangan yang rapi, kepelbagaian strategi, teknik dan pendekatan yang digunakan oleh guru Balaghah, secara tidak langsung ia sangat mempengaruhi pelajar-pelajar meminati dan menguasai ilmu Balaghah ini. Oleh yang demikian, guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini harus bijak merancang, meneliti dan memahami amalan pengajaran yang terbaik dan berkesan yang boleh digunakan ke arah memupuk minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Balaghah.

## RUJUKAN

- Abdul Hakim. (2008). Pengajaran Balaghah peringkat STPM Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan (SMKA). *Jurnal Islam dan Masyarakat kontemporari*, 1: 83-97.
- Alizah Lambri, Zamri Mahamood. (2019). Penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Melayu menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (33): 78-94.
- Bhavani Somasundram, Zamri Mahamod. (2017). Keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap pencapaian dan motivasi murid sekolah menengah dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1): 11-23.
- Dayang Hajjah Tiawa, Abdul Hafidz Omar, Rio Sumarni Sariffudin (2005) *Aplikasi Perisian NVIVO Dalam Analisis Data Kualitatif*. In: *3rd International Qualitative Research Convention*, 21-23 August 2005, Sofitel Palm Resort, Johor Bahru, Johor.
- Faridah Che In, Saifulnizam Zakaria. (2017). Keberkesanan kaedah pengajaran melalui pembelajaran koperatif: satu kajian Tindakan terhadap kursus Cost Management Accounting 2 in Conference: *Proceeding National Innovation and Competition Through Exhibition (iComEx'17)*.
- Fariyah Hussain, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis, Mohammad Zamri Jusoh. (2020). Amalan bantu pengajaran guru dalam pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini sekolah agama, '*Ulwan's Journal* Jilid 5 (1): 134-145.
- Gamal Abd Nasir, Abu Hassan Abdul, Mohd Zaki Ab Rahman, Wahibah H. Tahir. (2020). Seni majaz dalam bahasa Melayu: Analisis berdasarkan Ilmu Balaghah arab. *PENDETA Journal of Malay Language Education and Literature*, 11 (1): 18-32.
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, Safani Bari. (2012). Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education* 4 (2): 11-24.
- Harun Baharudin, Azrul Aman. (2019). Amalan pedagogi jurulatih utama Bahasa Arab dalam pengajaran Kosa Kata peringkat Sekolah Kebangsaan di Negeri Melaka. *Global Journal Al-Thaqafah*: 15-26.
- Kamarul Azmi Jasmi, Norhafizah Salleh. (2013). Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes (Teaching and Learning-Centered Approach Student among Islamic Education Outstanding Teacher and Teachers in Secondary Schools: A Case Study) in *3rd International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013]* at EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia on 6th - 7th April 2013, p. 773-783.
- Mohammad Abdillah Royo, Zul Azli Zainun. (2010). Faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Bahru: 1-11.

- Mohammad Syukri Abdul Rahman, Muhammad Daoh, Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohd Rofian Ismail, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Nurfidaiy Salahuddin. (2018). Pendekatan pengajaran Ilmu Balaghah di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (14): 48-48.
- Mohammad Syukri Abdul Rahman, Muhammad Daoh, Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohd Rofian Ismail, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Nurfidaiy Salahuddin. (2021). Keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia, *International Journal Of Humanities, Philosophy and Language (IJHPL)*, 4 (14): 1-15.
- Mohd Syaubari Othman, Ahmad Yunus Kassim. (2016). Keberkesanan permulaan pengajaran menerusi amalan kemahiran befabrik aras tinggi (KBAT) di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah Rendah negeri Perak. *Online Journal of Islamic Education*. Bil 4 (2). 23-35.
- Muhammad Fawiz Bakri, Zulkifli Osman. (2018). Pembinaan Semula Kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi Pelajar Antarabangsa Universiti Pendidikan Sultan Idris: Penilaian dari Aspek Peruntukan Masa Pembelajaran, *International Journal of Language Education and Applied Linguistic (IJLEAL)*, 8 (2): 27-37.
- Nazri Atoh, Saipolbarin Ramli, Muhammad Zulkifli. (2017). Keberkesanan pengajaran Al—Balaghah Al-Arabiyyah dengan menggunakan contoh ayat Al-Quran. *Conference: International Conference on Teaching & Learning of Languages 2017* at Riverside Majestic Hotel, Kuching, Sarawak.
- Syafiq Mah Hasan. (2019). Meningkatkan kemahiran menyayal dalam pengajaran. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)* Vol 8, 1-8.